



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 31/2009**

**Takrif 'Harta Pusaka Kecil' di Bawah
Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 31/2009**

**Takrif 'Harta Pusaka Kecil' di Bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955
(Akta 98)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah supaya mengambil perhatian bahawa subseksyen 3(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98), harta pusaka kecil telah ditakrifkan seperti berikut:-

“(2) For the purposes of this Act, a small estate means an estate of a deceased person consisting wholly or partly of immovable property situated in any state and not exceeding six hundred thousand Ringgit in total value.”

2. Menurut P.U.(B) 320 bertarikh 1 September 2009, Menteri telah pun memerintahkan bahawa Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2008 [Akta A1331] mula berkuat kuasa pada 1 September 2009 dan ini bermakna bahawa pusaka si mati yang mengandungi kesemua atau sebahagian daripadanya harta tak alih yang nilainya tidak melebihi RM2,000,000.00 dan tanpa wasiat yang permohonan pembahagiannya diterima pada atau selepas 1 September 2009 adalah harta pusaka kecil.

3. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 10/1980 dengan ini dibatalkan.



DATO' ABD HALIM BIN AIN
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4

Tarikh: 31 Disember 2009